



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 29 JUN 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 29 Jun 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,298 kes** (677,751 kes kumulatif, 90.9%);
- Kes baharu : **6,437 kes** (745,703 kes kumulatif);
- Kes import : **14 kes** (3 warganegara, 11 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **6,423 kes** [4,672 warganegara (72.7%); 1,751 bukan warganegara (27.3%)];
- Kes aktif : **62,844 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **905 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **455 kes**;
- Kes kematian : **107 kes** (5,108 kes kumulatif, 0.68%; 99 warganegara, 8 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,821 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **27 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,934 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **887 kluster**.

Sebanyak **107 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **43 kes** di Selangor, **16 kes** di Negeri Sembilan, **11 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, masing-masing **tujuh (7) kes** di Kedah, dan Melaka, **enam (6) kes** di Johor, masing-masing **empat (4) kes** di Sabah, Kelantan, dan Wilayah Persekutuan Labuan, masing-masing **dua (2) kes** di Sarawak dan Pahang, serta **satu (1) kes** di Terengganu.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KESIHATAN MENTAL DAN SOKONGAN PSIKOSOSIAL KETIKA PANDEMIK COVID-19

Pandemik COVID-19 memberi impak yang amat besar kepada kesihatan mental setiap individu di seluruh dunia dan tidak terkecuali rakyat Malaysia. Seseorang individu berisiko tinggi untuk mengalami masalah kesihatan mental termasuk kemurungan terutama ketika berada di dalam **keadaan stress yang melampau** dan **isolasi daripada rangkaian sokongan**

keluarga dan isolasi daripada rangkaian sokongan keluarga dan sahabat handai. Sekiranya kemurungan ini gagal dikenal pasti dan dirawat dengan baik, ianya boleh meningkatkan risiko tingkah laku bunuh diri.

Sumber daripada Polis Diraja Malaysia mendapati, terdapat peningkatan dalam kes bunuh diri yang dilaporkan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 631 kes berbanding 609 kes pada tahun 2019. Sehingga Mac 2021, sejumlah 336 kes bunuh diri telah dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia.

Masyarakat dipohon untuk lebih **cakna dan prihatin kepada ahli keluarga dan orang sekeliling** dalam mengenal pasti simptom-simptom awal kemurungan yang boleh menyumbang kepada tingkah laku bunuh diri seperti;

1. Perubahan tingkah laku kepada individu:

- Sentiasa kelihatan sedih dan murung;
- Hilang minat terhadap aktiviti yang biasa dilakukan;
- Kesukaran untuk menumpukan perhatian dan melakukan tugas harian yang biasa;
- Mengasingkan diri daripada keluarga dan rakan-rakan;
- Mengalami gangguan tidur dan selera makan;

- Bertindak agresif dan kasar (*abusive*) kepada diri sendiri dan orang sekeliling; dan
 - Menyalahguna alkohol dan dadah.
2. Menyatakan perasaan hilang harapan atau bosan untuk hidup dan kehadirannya membebankan ahli keluarga.
 3. Menyatakan keinginan untuk menamatkan riwayat hidup secara verbal atau penulisan.

Sekiranya terdapat gejala-gejala yang disenaraikan di atas, individu dinasihatkan agar mendapatkan nasihat perubatan profesional dalam kadar yang segera bagi mengelakkan keadaan yang lebih buruk. Selain daripada itu, orang ramai boleh membantu dengan **berkomunikasi secara berkesan** dengan individu yang mengalami kemurungan, antaranya seperti:

1. Mengambil serius tentang masalah yang dialami;
2. Meluangkan masa untuk mendengar luahan mereka;
3. Tidak mengambil mudah atau memperlekehkan masalah mereka;
4. Menunjukkan empati dan mengelakkan sikap menghakimi individu tersebut;

5. Memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat yang terkini bagi mengekalkan perhubungan dengan individu tersebut;
6. Memberikan sokongan sosial kepada mereka seperti membantu dalam urusan seharian jika diperlukan; dan
7. Galakkan dan bantu mereka untuk dapatkan penilaian dan rawatan profesional.

Pihak media juga boleh memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan maklumat tepat dan mematuhi **Garis Panduan Pelaporan Media Yang Bertanggungjawab** (*Guidelines for Media Reporting on Suicide*) yang dikeluarkan oleh Bahagian Kawalan KKM tentang tingkah laku bunuh diri.

Masyarakat juga diminta untuk **menghormati perasaan ahli keluarga mangsa** dengan tidak merekodkan video ataupun mengedarkan gambar di media sosial tentang individu yang membunuh diri. Bunuh diri boleh dicegah, namun, tindakan viral di media sosial boleh mengundang 'copycat suicide' bagi mereka yang berisiko.

Selain itu, orang ramai juga boleh menghubungi talian bantuan sokongan yang diwujudkan seperti;

1. **MHPSS** di 03-29359935 atau 014-3223392

2. **Talian Kasih 15999 / WHATSAPP** Talian Kasih di 019-2615999 (Bagi pelbagai bantuan aduan keganasan rumahtangga dan pelbagai lagi masalah seperti penderaan);
3. **KSK-Care JAKIM** di WHATSAPP 0111-9598214
4. **Befrienders Kuala Lumpur** di talian 03-76272929

Sehubungan dengan itu juga, KKM menyambut baik pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia berkenaan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada 28 Jun 2021 yang akan membantu rakyat dalam menghadapi kesan sosio-ekonomi pandemik COVID-19 ini. Sumbangan makanan daripada penduduk setempat kepada yang memerlukan amatlah dialu-alukan.

Bagi individu-individu dan isi rumah yang berkecukupan, bantuan kewangan serta pelbagai bantuan lain termasuk berbentuk moratorium pinjaman daripada institusi-institusi berkaitan seperti yang diumumkan YAB Perdana Menteri semalam perlulah dimanfaatkan sebaik, dan perlulah dimohon sekiranya diperlukan.

Budaya peka dan peduli kepada keluarga sendiri, sahabat handai dan masyarakat sekeliling perlu diterapkan dan sesiapa yang menghadapi masalah dan terkesan

dengan pandemik agar mendapatkan pertolongan dan tidak menghadapinya seorang diri. Setiap individu perlu menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga kesihatan mental diri, keluarga, dan komuniti bagi menghadapi pandemik COVID-19 ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

29 Jun 2021 @ 5:30 petang.

LAMPIRAN 1

BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 29 JUN 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	2,299 (12)	245,915
WP KUALA LUMPUR	1,361 (2)	77,053
JOHOR	271	70,525
SABAH	178	69,203
SARAWAK	242	64,475
NEGERI SEMBILAN	700	44,236
KELANTAN	131	34,652
PULAU PINANG	115	34,364
PERAK	184	26,491
KEDAH	284	25,043
MELAKA	252	18,192
PAHANG	250	13,456
TERENGGANU	21	11,181
WP LABUAN	117	8,037
WP PUTRAJAYA	32	2,291
PERLIS	0	589
JUMLAH KESELURUHAN	6,437 (14)	745,703

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 107 kes kematian pada 29 Jun 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang Penyakit
5002	Kelantan	Lelaki (WN)	79	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Darah tinggi, jantung, dan buah pinggang
5003	Selangor	Lelaki (WN)	49	Hospital Serdang	Darah tinggi dan obesiti
5004	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	55	Hospital Tampin	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, dan obesiti
5005	Kelantan	Perempuan (WN)	43	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kencing manis dan darah tinggi
5006	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Serdang	Darah tinggi
5007	Kelantan	Perempuan (WN)	78	Jenazah dibawa ke Hospital Pasir Mas	Darah tinggi, kencing manis, dan saraf
5008	Kelantan	Lelaki (WN)	69	Jenazah dibawa ke Hospital Pasir Mas	-
5009	Selangor	Lelaki (WN)	49	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan autoimun
5010	Sabah	Lelaki (WN)	69	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	-
5011	Selangor	Lelaki (WN)	64	Hospital Sungai Buloh	-
5012	Johor	Lelaki (WN)	56	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Darah tinggi, jantung, dan kanser
5013	Sarawak	Perempuan (WN)	66	Hospital Miri	Kencing manis dan darah tinggi
5014	Selangor	Lelaki (WN)	66	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5015	Selangor	Lelaki (WN)	57	Hospital Serdang	Darah tinggi
5016	Selangor	Lelaki (WN)	59	Hospital Serdang	Kencing manis
5017	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	41	Hospital Kuala Lumpur	Obesiti
5018	Melaka	Perempuan (WN)	58	Hospital Melaka	Asma, darah tinggi, dan dislipidemia

5019	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
5020	Selangor	Lelaki (WN)	46	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang, dan dislipidemia
5021	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	42	Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia	-
5022	WP Labuan	Lelaki (WN)	71	Hospital Labuan	Jantung
5023	Selangor	Perempuan (WN)	66	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Darah tinggi dan asma
5024	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	58	Hospital Tampin	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5025	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	80	Hospital Ampang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5026	Melaka	Lelaki (WN)	62	Hospital Melaka	Kencing manis dan kanser
5027	Selangor	Perempuan (WN)	58	Hospital Serdang	-
5028	Selangor	Lelaki (WN)	35	Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia	Kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
5029	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	77	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
5030	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	38	Hospital Tengku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	Kencing manis dan darah tinggi
5031	Terengganu	Lelaki (WN)	82	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Kencing manis dan darah tinggi
5032	Selangor	Lelaki (WN)	64	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis dan darah tinggi
5033	Selangor	Lelaki (WN)	57	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
5034	Selangor	Lelaki (WN)	74	Hospital Serdang	Darah tinggi, buah pinggang, dan dislipidemia
5035	Selangor	Lelaki (WN)	72	Hospital Putrajaya	Kencing manis dan darah tinggi
5036	Johor	Lelaki (WN)	87	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	-
5037	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	63	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi, buah pinggang, dislipidemia, dan obesiti
5038	Kedah	Perempuan (WN)	87	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Darah tinggi, jantung, dan dislipidemia
5039	Melaka	Lelaki (WN)	67	Hospital Melaka	Jantung dan strok
5040	Selangor	Lelaki (WN)	56	Hospital Serdang	Darah tinggi
5041	Selangor	Lelaki (WN)	75	Hospital Shah Alam	Darah tinggi dan dislipidemia
5042	Kedah	Lelaki (WN)	60	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, dan dislipidemia

5043	Melaka	Lelaki (WN)	80	Hospital Melaka	Darah tinggi, dislipidemia, dan kanser
5044	Selangor	Perempuan (WN)	69	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5045	Selangor	Perempuan (WN)	61	Hospital Kajang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan strok
5046	Johor	Perempuan (WN)	64	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Kencing manis, darah tinggi, strok, dan buah pinggang
5047	Kedah	Lelaki (WN)	34	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Kencing manis
5048	Pahang	Lelaki (WN)	59	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	Darah tinggi dan jantung
5049	Selangor	Perempuan (WN)	83	Hospital Ampang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dislipidemia, dan tibi
5050	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	50	Hospital Tengku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5051	Melaka	Perempuan (WN)	68	Hospital Melaka	Kencing manis dan darah tinggi
5052	Selangor	Lelaki (WN)	71	Hospital Serdang	Kencing manis dan darah tinggi
5053	Selangor	Lelaki (WN)	73	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
5054	Selangor	Lelaki (WN)	83	Hospital Serdang	Darah tinggi dan dislipidemia
5055	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	77	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5056	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	80	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
5057	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	36	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Obesiti
5058	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	65	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
5059	Kedah	Perempuan (WN)	70	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5060	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis
5061	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	57	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan autoimun
5062	WP Labuan	Lelaki (WN)	49	Hospital Labuan	Obesiti
5063	Selangor	Perempuan (WN)	55	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi dan dislipidemia
5064	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Serdang	Kanser
5065	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	49	Hospital Kuala Lumpur	-
5066	Johor	Lelaki (WN)	68	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Kanser
5067	Sarawak	Lelaki (WN)	92	Jenazah dibawa ke Hospital Sarikei	Darah tinggi dan dislipidemia

5068	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	77	Hospital Tampin	Darah tinggi
5069	Melaka	Perempuan (WN)	81	Hospital Melaka	Kencing manis dan darah tinggi
5070	Selangor	Lelaki (WN)	45	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis dan darah tinggi
5071	Selangor	Perempuan (WN)	60	Hospital Ampang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang
5072	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	65	Hospital Tengku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	Kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang, paru-paru kronik, dan dislipidemia
5073	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	42	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Obesiti
5074	Kedah	Lelaki (WN)	55	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Kencing manis dan darah tinggi
5075	WP Labuan	Lelaki (WN)	54	Hospital Labuan	Obesiti
5076	Selangor	Perempuan (WN)	89	Hospital Serdang	Darah tinggi
5077	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Ampang	Darah tinggi dan buah pinggang
5078	Kedah	Lelaki (WN)	79	Jenazah dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kencing manis, darah tinggi, asma, dan buah pinggang
5079	Johor	Lelaki (WN)	64	Hospital Melaka	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
5080	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	65	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi dan buah pinggang
5081	Selangor	Perempuan (WN)	73	Hospital Kajang	Kencing manis dan darah tinggi
5082	Selangor	Lelaki (WN)	70	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, kanser, dan dislipidemia
5083	Selangor	Lelaki (WN)	60	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5084	Selangor	Lelaki (WN)	59	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi dan jantung
5085	Selangor	Lelaki (WN)	57	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, strok, dan buah pinggang
5086	Selangor	Lelaki (WN)	53	Hospital Ampang	Kencing manis dan darah tinggi
5087	Selangor	Perempuan (WN)	53	Hospital Kuala Lumpur	Kanser
5088	Selangor	Lelaki (WN)	68	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Obesiti, kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5089	Selangor	Perempuan (WN)	43	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Obesiti

5090	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	68	Hospital Kuala Lumpur	-
5091	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	66	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi dan dislipidemia
5092	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	56	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
5093	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	51	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
5094	Johor	Lelaki (WN)	64	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
5095	Sabah	Lelaki (WN)	82	Jenazah dibawa ke Hospital Kudat	Darah tinggi dan strok
5096	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	74	Hospital Tampin	-
5097	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	69	Hospital Tampin	Kencing manis dan darah tinggi
5098	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	45	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Obesiti
5099	Melaka	Lelaki (WN)	61	Jenazah dibawa ke Hospital Melaka	Jantung
5100	Pahang	Lelaki (WN)	76	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	Kencing manis dan darah tinggi
5101	WP Labuan	Lelaki (BWN)	51	Hospital Labuan	Obesiti
5102	Sabah	Lelaki (BWN)	65	Hospital Tawau	-
5103	Selangor	Lelaki (BWN)	51	Hospital Serdang	-
5104	Sabah	Lelaki (BWN)	67	Jenazah dibawa ke Hospital Tawau	Darah tinggi
5105	Kedah	Lelaki (BWN)	55	Jenazah dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	-
5106	Selangor	Lelaki (BWN)	40	Hospital Shah Alam	Jantung
5107	Selangor	Perempuan (BWN)	41	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Obesiti
5108	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	48	Hospital Ampang	Kencing manis

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

LAMPIRAN 3

Perincian 6,437 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 29 Jun 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	2,299	96	1,341	12	850
WP KUALA LUMPUR	1,361	716	363	2	280
NEGERI SEMBILAN	700	305	233	0	162
KEDAH	284	135	113	0	36
JOHOR	271	58	120	0	93
MELAKA	252	109	109	0	34
PAHANG	250	165	72	0	13
SARAWAK	242	36	155	0	51
PERAK	184	160	21	0	3
SABAH	178	46	96	0	36
KELANTAN	131	32	73	0	26
WP LABUAN	117	9	76	0	32
PULAU PINANG	115	18	58	0	39
WP PUTRAJAYA	32	7	19	0	6
TERENGGANU	21	9	4	0	8
PERLIS	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	6,437	1,901	2,853	14	1,669

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 29 JUN 2021**

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Taman Desa An Nur	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	11	30
2	Banggol Chicha Ketereh	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	10	21
3	Kampung Lada	Komuniti	Pahang	Jerantut	24	121
4	Sungai Ling	Komuniti	Pahang	Maran	14	37
5	Jalan Empat Bandar Baru Bangi	Komuniti	Selangor	Hulu Langat	39	289
6	Cahaya Enam	Komuniti	Selangor	Sabak Bernam	13	65
7	Kenawar 69	Komuniti	Johor	Segamat	19	72
8	Jalan Bidara	Komuniti	Johor	Tangkak	10	13
9	Rimba Raja	Komuniti	Perak	Perak Tengah	12	45
10	Kampung Jelutong	Komuniti	Perak	Kampar	13	42
11	Muhibbah Menggatal	Komuniti	Sabah	Kota Kinabalu, Penampang, dan Tuaran	42	277
12	Nanga Belungai	Komuniti	Sarawak	Tatau	13	51
13	Jalan Putra Sembilan	Komuniti	WP Putrajaya	Putrajaya	12	17
14	Industri Balakong Sembilan	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	20	80
15	Jalan PJS Lapan	Tempat Kerja	Selangor	Petaling	17	28
16	Tapak Bina Sunsuria City	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	34	81
17	Industri Sungai Chua Satu	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	11	64
18	Jalan Alor Setar	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Cheras	6	71
19	Tapak Bina Jalan Choo Cheng Kay	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	12	48
20	Tapak Bina Jalan Tun Razak	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	25	31

21	Industri Lorong Bunga Tanjung Satu	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Port Dickson, dan Rembau	101	184
22	Jalan Dataran Segar	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Port Dickson dan Seremban	46	99
23	Jalan TJ 2	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban	49	225
24	Industri Benus	Tempat Kerja	Pahang	Bentong dan Raub	73	449
25	Jalan Jaya Temerloh	Tempat Kerja	Pahang	Temerloh dan Maran	15	111
26	Jalan Pee Kang Hai	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Segamat	29	32
27	Jalan Tanggilan	Institusi Pendidikan Swasta Berdaftar di Bawah KPM	WP Putrajaya dan Selangor	Putrajaya dan Kuala Langat	9	39